

# POLITIK KAMPUS JUMUD?

BERITA  
HARIAN  
3/11/2016  
VI-V2

➔ Lebih separuh kerusi dimenangi tanpa bertanding pada pemilihan MPP Sesi 2016/2017 di 10 UA

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

## Kuala Lumpur

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, senario pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dilihat kian tenang di rata-rata universiti awam (UA) tanpa insiden melampau atau ketegangan serius dilaporkan.

Bagi pemerhati umum yang

lazim mengikuti perkembangan pemilihan MPP di kampus saban tahun, perubahan jelas ketara dengan semakin ramai calon memperoleh kemenangan mudah tanpa perlu berdepan sebarang cabaran bertanding.

Berbanding pemilihan MPP dahulu yang hangat dengan saingan sengit membabitkan pertandingan banyak penjuar antara calon, ramai menyifatkan keadaan sekarang kian lesu, malah seolah-olah tidak terasa bahang kempen.

Situasi itu bukan sahaja berlaku di universiti 'muda', bahkan turut melanda UA senior seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang dulunya cukup sinonim dengan suasana meriah calon berkempen bersama pelbagai isu disuarakan serta pemasangan kain rentang di serata kampus.

Keadaan itu sekali gus

menimbulkan persoalan segelintir pihak - adakah pemilihan MPP di UA sudah jumud sehingga melunturkan minat sebilangan mahasiswa untuk mengambil bahagian sebagai calon bertanding?

Berdasarkan maklumat dikumpulkan *BH Varsity*, lebih separuh daripada jumlah kerusi MPP sesi 2016/2017 di 10 UA dimenangi tanpa bertanding, termasuk ada yang mencatat keputusan itu secara total.

V2

## Dari V1

Sebilangan pihak menyifatkan ketenangan musim pemilihan itu menunjukkan kematangan mahasiswa menjalani tempoh berkempen serta memberi mandat kepada calon berkelayakan untuk menjadi teraju mereka di kampus, namun ada juga yang skeptikal dan mengaitkan penyusutan kesedaran sebagai punca.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, bagaimanapun menolak persepsi negatif itu, sebaliknya menegaskan mahasiswa kini lebih memberi tumpuan kepada perkara yang akan membantu mereka selepas menamatkan pengajian kelak.

Katanya, dua aspek dititikberatkan golongan itu ialah kecemerlangan akademik dan sahsiah kerana memfokus kepada tujuan utama memasuki universiti, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi tidak menentu sekarang.

## Sudah bersedia

Beliau berkata, majikan menekankan kepentingan kedua-dua aspek itu yang turut digariskan dalam lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi melahirkan pelajar holistik, justeru mahasiswa tidak meletakkan keutamaan pada politik kampus.

"Mahasiswa menyedari bahawa bukan mudah untuk menjadi calon bertanding dalam pemilihan MPP kerana perlu mengikuti kursus kepemimpinan tertentu, sudah bersedia menggalas tanggungjawab itu dan mempunyai reputasi baik dari segi akademik serta sahsiah.

"Oleh itu, mereka percaya calon menonjolkan diri untuk bertanding adalah golongan yang sudah bersedia dalam aspek terbabit, justeru tidak mahu membuang masa bertanding sesama sendiri.

## Cerminkan keyakinan

"Dahulu, pemilihan MPP lebih hangat mungkin kerana mahasiswa disogok dengan sentimen politik luar yang dibawa ke dalam kampus. Namun, universiti kini menerusi program dijalankan dapat mengubah persepsi mahasiswa supaya lebih fokus pada matlamat sebenar mereka melanjutkan pelajaran," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Senada dengan Prof Mohammad Shatar, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni) UM, Prof Datuk Dr Rohana Yusof, turut melihat senario itu lebih mencerminkan keyakinan mahasiswa terhadap calon bertanding, sekali gus memberikan sokongan dan enggan mencabar.

Begitupun, beliau tidak menolak kemungkinan wujud faktor kurang kesedaran politik kampus yang membawa kepada keputusan banyak kerusi MPP dimenangi tanpa bertanding.

## Tiket individu

"Memang diakui suasana pemilihan MPP kini tidak 'sepanas' dahulu tetapi mahasiswa masih ada pemimpin, bukan tiada.

"Bagaimanapun, kami tetap memupuk kesedaran mahasiswa terhadap politik, terutama mengenai tanggungjawab dan hak mereka sebagai warganegara Malaysia yang layak mengundi, dengan mengadakan program daftar undi selama empat hari di UM sebelum ini.

"Keadaan semasa politik negara juga mungkin memberi tempas sehingga banyak kerusi dimenangi tanpa bertanding dalam pemilihan MPP. Namun, senario di kampus tidak menggambarkan politik luar sepenuhnya kerana mereka bertanding atas tiket individu," katanya.

info

## Pemilihan MPP Sesi 2016/2017

UA	Jumlah kerusi	Bilangan kerusi dimenangi tanpa bertanding (Peratusan)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	37	37 (100%)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA)	29	29 (100%)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	31	27 (87.1%)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	23	17 (73.9%)
Universiti Sains Malaysia (USM)	36	20 (55.6%)
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	27	13 (48.1%)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	48	20 (41.7%)
Universiti Malaya (UM)	40	14 (35%)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	35	10 (28.6%)
Universiti Putra Malaysia (UPM)	45	4 (8.9%)
Jumlah	351	191 (54.4%)